

21 OCT 2003

Goh-Mahathir

DR MAHATHIR TINGGALKAN SEBAGAI SEBUAH NEGARA MANTAP, KATA GOH

SINGAPURA, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong optimistik dengan kewibawaan Malaysia selepas persaraan Dr Mahathir dan memuji rakan sejawatannya itu yang telah membangunkan "landasan yang kukuh" bagi pengantinya.

Dalam satu temu bual dengan Bangkok Post semalam, Straits Times memetik beliau sebagai berkata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "meninggalkan sebuah kapal yang baik dengan pegawai yang bagus dan enjinnya berfungsi dengan lancar."

Oleh itu, penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan dapat meneruskan proses pembangunan negara "dengan tidak terlalu sukar," katanya.

Goh turut menggambarkan Abdullah, yang akan mengambil alih kepimpinan Malaysia pada akhir bulan ini, sebagai seorang pemimpin yang mampu melaksanakan tugas-tugas itu jauh lebih baik daripada tanggapan orang ramai mengenai kebolehannya.

"Saya melihat beliau sebagai tokoh yang berkebolehan untuk menerajui Malaysia bagi mencapai pembangunan lebih cemerlang dan saya fikir beliau mampu menghadapinya termasuk cabaran daripada PAS. Itu merupakan cabaran politik."

Goh juga berkata sebagai pemimpin baru negara itu, Abdullah juga perlu menstruktur semula ekonomi Malaysia bagi membolehkannya bersaing dengan mereka dari luar rantau ini.

Beliau juga "optimistik mengenai Malaysia dan tidak bimbang mengenai peralihan pucuk pimpinan itu."

Memgani pandangan beliau tentang kepimpinan di rantau ini dan cabaran yang akan dihadapi oleh negara-negara, beliau berkata perkara utama yang perlu dilakukan ialah menstruktur semula ekonomi untuk bersaing dengan negara seperti India dan China.

"Secara tiba-tiba, kita mempunyai dua kilang gergasi. Ia bukan setakat kilang yang mengeluarkan barangan murah, tetapi mengeluarkan pelbagai barangan daripada yang bernilai rendah sehingga bernilai tinggi," katanya.

Beliau berkata negara-negara berkenaan juga mampu menyediakan perkhidmatan

-- perubahan, contohnya -- ia lebih murah daripada apa yang kini ditawarkan, misalnya di Singapura atau Thailand.

Di samping itu, Goh juga optimistik dengan prospek rantau Asean, terutamanya pada tahun depan, berikutan pertumbuhan yang sedang dialami di Amerika Syarikat.

Beliau bagaimanapun tidak mahu membuat ramalan keadaan melampaui tahun depan, menyatakan : "Saya akan melangkah setahun demi setahun buat satu-satu masa dan terus menstruktur semula ekonomui dan daya saing jangka panjang -- dan pada masa yang sama mengambil langkah untuk menjalin FTA (Perjanjian Perdagangan Bebas) dengan China, Jepun dan India untuk mewujudkan masyarakat Asia Timur.

"Ini merupakan langkah berani tetapi kita tidak akan dapat melihat hasilnya sehingga 2020," katanya.

Beliau turut memberitahu akhbar tu bahawa Perdana Menteri Thaksin Shinawatra memiliki kualiti untuk mengambil alih kepimpinan Asean berdasarkan peralihan politik yang berlaku di rantau ini.

Goh berkata Thaksin, bukan sahaja mempunyai keyakinan dengan dirinya dan Thailand, tetapi juga mempunyai "idea-idea bagi Thailand dan ASEAN."

"Saya fikir, beliau sedar mengenai pentingnya penyepaduan Thailand

dengan negara anggota Asean lain, seperti yang telah dilakukan oleh Singapura sebelum ini, bagi mewujudkan pasaran lebih besar untuk membantu Thailand menjadi sebuah negara maju," katanya.

-- BERNAMA

SS SS RHM